

23/10/2002

Dana RM600j bantu usahawan pelancong

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan hari ini melancarkan dana pelancongan bernilai RM600 juta untuk membantu usahawan dalam sektor pelancongan, bidang yang berpotensi besar bagi meningkatkan ekonomi negara.

Dana yang dikendalikan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB) itu terbahagi kepada dua jenis iaitu Tabung Khas Pelancongan (SMET) bernilai RM400 juta dan Tabung Infrastruktur Pelancongan (TIF) bernilai RM200 juta.

SMET dibuka kepada syarikat Bumiputera bertaraf kecil dan sederhana dalam sektor pelancongan, manakala TIF ditawarkan kepada pengusaha pelancongan tempatan yang pegangan sahamnya RM10 juta ke atas.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata dana itu membuktikan kesungguhan kerajaan untuk mempertingkatkan dan memperbaiki pelbagai produk pelancongan.

"Kita ingin memastikan supaya pelancong tinggal lebih lama di negara kita apabila ada banyak tempat yang boleh mereka kunjungi dan bersuka ria.

"Dana ini juga akan membantu sektor pelancongan negara yang pada masa ini membawa masuk kira-kira sejuta pelancong sebulan dan pendapatan tidak kurang RM2 bilion setiap bulan," katanya selepas melancarkan dana itu dan Program Pemasaran di Pusat Pelancongan Malaysia, di sini.

Hadir sama Pengerusi BPIMB, Datuk Mohamed Adnan Ali dan Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif BPIMB, Tan Sri Dr Aris Othman.

Abdul Kadir berkata, pelancaran tabung itu selaras dengan pengumuman peruntukan tambahan sebanyak RM400 juta bagi sektor pelancongan dalam Bajet 2003 oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, September lalu.

Tabung itu juga, katanya, adalah usaha kerajaan memastikan industri pelancongan terus berdaya maju serta dapat bersaing dengan negara baru yang muncul sebagai negara berasaskan pelancongan.

SMET memberi pembiayaan untuk pembinaan serta usaha meningkatkan penginapan pelancong, pengangkutan, tempat peranginan dan sektor sokongan seperti pembinaan muzium untuk industri itu.

TIF pula diperuntukkan kepada projek infrastruktur pelancongan seperti pembinaan pusat pelancongan bersepadu, marina, safari, pembinaan jeti, projek kereta kabel, landasan kapal terbang dan taman tema.

BPIMB akan menjalankan kempen bergerak bagi meningkatkan kesedaran dikalangan pengusaha pelancongan untuk tabung itu secara berperingkat di seluruh negara dengan Kuala Lumpur sebagai pemula program, diikuti Melaka pada 23 Oktober, Pulau Pinang (26 Oktober), Terengganu (29 Oktober), Sarawak (1 November) dan Sabah (2 November).

Setakat ini, satu pinjaman melalui SMET dan tiga dari TIF sudah diluluskan. Bagi SMET, jumlah maksimum yang dibenarkan adalah RM10 juta, manakala RM50 juta untuk projek pelancongan melalui tabung TIF.

Abdul Kadir berkata, kementeriannya dan BPIMB sedang berbincang dengan Kementerian Kewangan dan Bank Negara supaya syarat untuk mendapatkan pinjaman melalui kedua-dua tabung itu lebih longgar bagi menarik lebih ramai peminjam.

Kementeriannya mencadangkan had pinjaman bagi SMET dinaikkan daripada RM10 kepada RM20 juta dengan tempoh bayaran balik daripada lima dan 10 tahun kepada 20 tahun.

"Kita juga minta supaya pinjaman yang diberikan sekurang-kurangnya 70 hingga 80 peratus daripada kos keseluruhan projek berbanding 30 peratus sekarang. Kita juga meminta proses mendapatkan pinjaman dipercepatkan,"

katanya.

Abdul Kadir berkata, pengusaha pelancongan di luar Kuala Lumpur dan bandar kecil akan diberi keutamaan mendapatkan pinjaman itu kerana banyak kawasan di luar bandar dan pedalaman berpotensi dibangunkan sebagai kawasan pelancongan.

Beliau berkata, kementeriannya juga meminta Kementerian Pembangunan Tanah dan Koperasi meminda Akta Tanah Rizab Melayu bagi membolehkan ia dibangunkan sebagai kawasan pelancongan.

"Apabila akta itu dipinda, lebih ramai pengusaha Bumiputera boleh menceburi sektor pelancongan. Daripada tinjauan, kita dapati banyak kawasan luar bandar dan pedalaman mempunyai pantai dan air terjun yang boleh dibangunkan untuk menarik pelancong tetapi tidak boleh dibuat kerana status tanah itu," katanya.